

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NEGARA

Negara! 7

## 30,648 notis kesalahan merokok dikeluarkan di seluruh negara

**IPOH** – Sebanyak 30,648 notis kesalahan merokok di premis makanan dikeluarkan sepanjang tahun lalu dengan nilai kompaun berjumlah RM7.6 juta.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Norhayati Rusli berkata, lima negeri dengan kadar pengeluaran notis tertinggi ialah Selangor dengan 6,414 notis, Johor (3,095), Pahang (2,935), Perak (2,808) dan Pulau Pinang (2,725).

"Bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini, sejumlah 14,872 notis kesalahan merokok di premis makanan telah dikeluarkan melibatkan nilai kompaun berjumlah RM3.72 juta.

"Operasi ini yang dijalankan di kawasan *hot spot* di seluruh negara menyasarkan tempat

larangan seperti premis makan, dalam kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam, premis kerajaan, kompleks beli-belah, tandas awam, pusat hiburan, klinik atau hospital serta kawasan rehat dan rawat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyertai Operasi Mega Bersepadu Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Hasil Tembakau 2004 yang dijalankan di sekitar Ipoh di sini kelmarin.

Dr. Norhayati berkata, sebanyak 424 notis kesalahan di bawah Seksyen 32B, Akta Makanan 1983 telah dikeluarkan pada operasi berkenaan.

Jelasnya, ia melibatkan kesalahan di bawah Peraturan 11 antaranya 202 notis di premis makan dan kompleks awam.



**ANGGOTA** penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Ipoh memberikan kompaun kepada orang ramai yang ingkat larangan merokok di Ipoh.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : LOKAL

## **Kutip kompaun RM204,100 hasil kesalahan merokok**

**Melaka:** Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) mengeluarkan 886 notis kesalahan membabitkan nilai kompaun RM204,100 di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 dalam tempoh Januari hingga April lalu.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Ngwe Hee Sem berkata, daripada jumlah itu, 845 atau 95.4 peratus notis dikeluarkan atas kesalahan merokok di kawasan larangan termasuk di kalangan Orang Belum Dewasa (OBD) atau remaja di bawah usia 18 tahun.

"Dalam tempoh berkenaan, 92 notis dikeluarkan kepada OBD di bawah Seksyen 13(1) PPKHT 2004 atas kesalahan OBD merokok, mengunyah, membeli atau memiliki apa-apa

hasil tembakau.

"Sebanyak 500 notis kesalahan dikeluarkan kerana merokok di kawasan larangan di bawah Seksyen 11(1) PPKHT 2004 termasuk 207 atau 24.5 peratus kompaun dikeluarkan di tempat makan," katanya selepas Operasi Mega Bersepadu Penguatkuasaan PPKHT 2004 JKNM, di sini lewat malam kelmarin yang turut dihadiri Pengarah JKNM Datuk Dr Rusdi Abd Rahman.

Sebanyak 80 premis diperiksa dalam operasi berkenaan antaranya kedai makan, restoran, dan kedai vape.

Katanya, daripada jumlah itu, 253 notis kesalahan dikeluarkan di bawah Seksyen 22 PPKHT 2004 kerana merokok di kawasan

Zon Melaka Bebas Asap Rokok (MBAR) yang diwartakan di negeri itu.

**Sebanyak 500 notis  
kesalahan dikeluarkan  
kerana merokok  
di kawasan larangan**



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 24  
RUANGAN : NASIONAL

24 NASIONAL

## Orang ramai dijemput sertai GEGARUN Ahad ini

Sempena Hari Tanpa  
Tembakau Sedunia 2023  
bertemakan 'Utamakan  
Makanan, Bukan Rokok'

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**  
**SHAH ALAM**

**P**ertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH) bersama beberapa badan bukan kerajaan (NGO) lain menjemput orang ramai menyertai Generational Endgame Anti Rokok Run (GEGARUN) yang dijadual berlangsung di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Ahad ini.

Presiden MyWATCH, Roslizawati Mohd Ali berkata, program ini juga dijalankan bersama acara mingguan 'Kuala Lumpur Car Free Morning' dengan menyasarkan peserta yang tinggal di sekitar

Lembah Klang.

"GEGARUN yang turut mendapat kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) dan DBKL ini diadakan bagi mempromosikan hasrat kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok serta peruntukan Generasi Penamat Rokok (GEG).

"Penganjuran tahun ini juga turut diadakan sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2023 yang bertemakan 'Utamakan Makanan, Bukan Rokok'," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah Roslizawati, pelbagai aktiviti menarik juga ditawarkan kepada peserta yang mengambil bahagian dalam larian santai berkenaan.

"Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan nanti antaranya Tiktok Challenge, pameran berkaitan bahaya merokok dan vape, e-game, pemeriksaan kesihatan, saringan merokok dan banyak lagi," katanya.



**ROSLIZAWATI**

Ujarnya, antara NGO lain yang turut terlibat dalam penganjuran aktiviti sihat itu adalah Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pamadam), Persatuan Kesihatan Ikram Malaysia (Ikram Health) dan lain-lain.

Pada Isnin lalu, Penasihat Khas Menteri Kesihatan, Dr Helmy Haja Mydin dilaporkan berkata, KKM sedia untuk membentangkan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam berserta peruntukan berkaitan Generasi Penamat Rokok pada mesyuarat kedua penggal kedua Parlimen ke-15 yang sedang berlangsung ketika ini.

Beliau berkata, RUU berkenaan sangat penting demi melindungi kesihatan generasi muda dan ia merangkumi dua perkara utama iaitu kawalan terhadap produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape, serta pelaksanaan peruntukan GEG.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NATION

THE STAR, SATURDAY 27 MAY 2023

Nation 13

# Mostly youths flouting smoking ban

## Those caught lighting up at eateries were aged between 20 and 30

By RSN MURALI  
murali@thestar.com.my

**MELAKA:** Most of the smokers caught lighting up at eateries here were young people between the ages of 20 and 30, says state health, human resources and unity committee chairman Ngwe Hee Sem.

This comes after a two-day operation he said.

The special operation was to send a strong message to those who still insist on smoking at such places despite the ban, he said after the end of the operation at Bukit Beruang here on Thursday night.

Also present was Melaka Health

Department director Datuk Dr Rusdi Abd Rahman.

Ngwe told reporters that last year, 376 notices of compound were issued under Regulation 19 (1) of the Tobacco Products Control Regulations 2004 that prohibits smoking and related activities among those aged 18 and below.

Ninety-two such notices were issued from January to April this year, he added.

He said throughout 2022, a total of 3,734 such notices were issued with compounds amounting to RM289,800.

He added 886 such notices were issued in the first four months of this year with compounds total-

ing RM204,100.

Ngwe said that 30 premises including vape outlets were inspected during the operation that involved 45 enforcement officers.

Meanwhile, Dr Rusdi said eatery owners must ensure that the "no smoking" sign is displayed prominently.



AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : VIEWS

THE STAR, SATURDAY 27 MAY 2023

Views 15

## YOUR OPINION

EMAIL: editor@thestar.com.my or  
MAIL: The Editor, Menara Star, 15, Jalan  
16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya.  
Letters must carry the sender's full name,  
address and telephone number.  
A pseudonym may be included.

# Push for integrated health records

WE refer to the report "Aiming for nationwide rollout of Electronic Medical Records" (*The Star*, May 20).

Efforts by the government to implement such a system in public hospitals have been undertaken since the 1990s.

Khazanah Research Institute (KRI) had also advocated the implementation of a comprehensive national system that allows electronic sharing of health records across facilities.

Instead of focusing on investments in advanced healthcare technology, such as surgical robots, that would only benefit a small section of the population, a national digital health records system, in this case EMR (Electronic Medical Records), would potentially improve patient care for all.

People receive care from several different healthcare providers throughout their lives. This includes regular interactions with primary care clinics, annual visits to dental clinics, and occasional visits to hospitals.

Thus, it is important for patient information generated at each point of care to be digitally recorded and updated in a central database. With a digitalised health records system, patient data, such as previous diagnoses, allergies, test results and current medications, would be accessible to any health facility that he or she visits.

Accessing digital health records could also improve care delivery by making healthcare providers aware of a patient's condition when administering emergency care.

Patients with chronic non-communicable diseases (NCDs) like diabetes and obesity would also be empowered to understand their condition and take care of themselves more effectively at home.

In the United States, patients over 65 years old were found to have a higher compliance to their treatment plan and medications when they had access to their personal health data.

Improving a patient's ability

to manage their disease has been shown to reduce the burden on healthcare in terms of cost and human resources.

Over the years, disease patterns in Malaysia have changed significantly, with NCDs becoming the major cause of poor health. In 1990, NCDs made up 60% of total health loss, but in 2019, they made up almost 74%.

Common causes of NCDs are largely preventable, given the right investments in preventive health services, such as cancer screenings. However, Malaysia currently faces a worryingly low uptake of cancer screening programmes due mainly to lack of up-to-date screening registries.

An EMR system with real-time updates of patient data could act as a comprehensive patient registry that allows effective targeting of populations eligible for healthcare screening.

In the future, this digital patient record system could be linked to a national social protection registry to optimise not

only healthcare delivery but also the channelling of social security services.

But introducing digitalised patient records does not come without risks or challenges, as they may face ransomware attacks, for example. Thus, stringent data governance and data security protocols need to be of the utmost priority.

Previous hospital digitalisation efforts in Malaysia have faced patient safety issues. This has been attributed to a lack of knowledge in using the system and insufficient computer resources as well as high workloads leading to incorrect data entry.

The Health Ministry appears to be taking these issues into consideration in the current rollout, given the minister's announcement of a lighter, web-based records system for public clinics that lack hardware and infrastructure.

Putting in place a digital system is also only the first step. The next challenge lies in ensur-

ing system inclusivity, taking care to address inequalities in digital access and literacy within the population.

Analysis of data from the Department of Statistics Malaysia (DOSM) shows significant variations in health-seeking behaviours online.

For example, in 2021, 91.5% of individuals in Terengganu used the Internet to seek health information compared to 57.9% in Sarawak.

Implementing the system will require a fine balance between improving efficiency and continuity of care, and mitigating risks to privacy and security.

Since Malaysia is still in the early stages of nationwide implementation, this is an opportune time to call for careful evaluation of the rollout process to avoid ending up with a poorly-designed but costly system.

**ILYANA MUKHRIZ  
and DR RACHEL GONG**  
Khazanah Research Institute